

Najib tayang gambar konvokesyen

UM- 13/2/2019 m/s: 8

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Seperti dijanjikan, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkongsi gambar konvokesyennya pada tahun 1974 bagi membuktikan bahawa beliau berjaya menamatkan pengajian.

Bukan satu, sebaliknya dua gambar yang dimuat naik dalam akaun Facebook miliknya hari ini.

Gambar pertama menampilkan beliau berseorangan dengan jubah konvokesyen dan topi graduan manakala satu lagi gambar menunjukkan beliau bersama adik dan ibunya.

"Agak *old school* tapi inilah foto dari majlis graduasi saya pada tahun 1974. Saya turut bersama bonda, Tun Rahah dan adik saya Johari.

"Terima kasih anak saya Ashman. Ashman habiskan masa hampir satu jam untuk mencari gambar-gambar yang sudah berusia 45 tahun ini dari rumah bonda saya," katanya.

Najib turut mengulas gaya rambutnya yang dilihat jauh berbeza berbanding imejnya kini dengan menyatakan gaya rambut gondrong yang digayakannya ketika itu memang menjadi ikutan pada masa itu.

"Masa itu, saya nampak *cool*



NAJIB TUN RAZAK mengemas kini gambar profil akaun Facebook miliknya dengan gambar konvokesyennya pada tahun 1974.

(bergaya) sebab *trend* (ikutan) masa itu di England memang berambut panjang. Ok, saya

mengaku saya juga terpengaruh masa itu. #MaluApaBossku," katanya.